

# Kelebihan simpanan emas

**S**impanan emas dilihat sebagai salah satu bentuk pelaburan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat termasuklah golongan wanita. Terdapat beberapa kelebihan simpanan atau pelaburan emas antaranya ia bertindak sebagai *hedging* (cara melindungi nilai aset kita daripada kerugian disebabkan oleh inflasi).

Emas digunakan sebagai *hedging* kerana nilainya tetap dan stabil walaupun sistem ekonomi dan politik tidak menentu. Kedua, harga emas sentiasa meningkat dalam jangka masa panjang dan merupakan bentuk pelaburan yang memberikan pulangan yang baik dan stabil berbanding instrumen pelaburan lain.

Ketiga, pelaburan emas tidak dikenakan cukai kecuali zakat emas untuk pelabur Muslim. Keempat, emas boleh dipajak bagi mendapatkan wang tunai semasa kecemasan dan kesempitan hidup. Kelima, emas sukar diperoleh dan tidak boleh dicipta di mana kuantitinya tidak boleh ditambah dengan mudah berbanding wang kertas yang boleh dicetak.

Keenam, ia merupakan bentuk pelaburan yang mempunyai nilai kecairan yang tinggi iaitu mudah ditukarkan dalam bentuk wang kertas bukan sahaja

di Malaysia malah serata dunia. Ketujuh, pelaburan emas berbentuk fizikal (syiling dan barang kemas) dan bukan fizikal seperti akaun pelaburan emas (buku pelaburan) mudah untuk disimpan dan dibawa ke mana-mana. Berdasarkan kelebihan di atas, sudah pasti emas merupakan salah satu bentuk pelaburan yang sesuai untuk persaraan.

Dalam masa sama, saya setuju bahawa pembelian barang kemas boleh membantu wanita untuk mengelak daripada perbelanjaan ke atas perkara yang kurang diperlukan dalam kehidupan seharian atau semata-mata untuk memenuhi tuntutan nafsu dan emosi sahaja.

Walaupun bagaimanapun, pembelian barang kemas ini juga boleh menjadi bebanan sekiranya pembelian dilakukan secara berlebihan sehingga membawa kepada hutang atau ada yang sanggup mengikat perut semata-mata untuk mengumpul koleksi barang kemas dengan alasan ia untuk pelaburan masa hadapan.

## Pengetahuan asas

Sementara itu, banyak faktor yang menyumbang kepada berlakunya gejala pengguna tertipu dengan skim pelaburan emas haram. Sikap ingin cepat kaya (tamak) menyebabkan pelabur mudah

terpedaya dengan janji keuntungan segera yang lumayan oleh ejen atau syarikat-syarikat tertentu.

Mereka mudah tertipu disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan asas mengenai pelaburan terutama dalam pelaburan yang disertai dan dalam kes ini adalah tiada atau kurangnya pengetahuan mengenai pelaburan emas. Ketiga, teknik pemasaran dan komunikasi yang baik oleh individu atau ejen tertentu menyebabkan sebahagian pelabur mudah terpedaya dengan janji pulangan yang ditawarkan.


Sekiranya pengguna ingin melabur dalam apa sahaja jenis atau bentuk pelaburan, perkara yang paling utama mereka perlu adalah pengetahuan asas mengenai pelaburan tersebut. Jangan disebabkan kita dicanang dengan pulangan pelaburan yang tinggi dan lumayan kita begitu mudah untuk menyertai pelbagai bentuk pelaburan emas yang ada di pasaran.

Sekiranya betul-betul ingin melabur emas, pelabur dinasihatkan untuk mempunyai ilmu pengetahuan asas. Hadiri seminar atau kursus berkaitan pelaburan, beli buku atau bahan bacaan berkaitan pelaburan yang kini banyak terdapat di pasaran dan yang paling mudah adalah pelabur boleh dapatkan

maklumat daripada internet. Selain itu, pelabur boleh dapatkan nasihat dan panduan daripada rakan yang mempunyai pengalaman melabur serta dapatkan khidmat runding daripada pakar/penasihat kewangan bertauliah.

Pelabur diingat supaya lebih berhati-hati dan meneliti risiko yang dikaitkan dengan pelaburan emas sebelum menyertai mana-mana skim pelaburan yang menjanjikan pulangan yang lumayan dalam tempoh jangka pendek. Harus diingat bahawa pelaburan emas tidak terkecuali juga mempunyai kelemahannya.

Antara kelemahan pelaburan emas terutama yang menyertai skim pelaburan emas melalui syarikat yang tidak sah dan berdaftar ialah kerugian.



**PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**  
CFP (FPAM), Shariah RFP (MFPC)  
Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan  
Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia